

Karangan Naratif 8

Selesaikan cerita berikut:

Ketua darjah kami, Halim, seorang yang rajin dan selalu menghantar tugas sekolah yang diberi guru pada masanya. Namun, kini dia telah berubah. Dia menjadi seorang yang malas . . .

Introduction

- Conflict
- Short Dialogue
- Suspense Elements

Ketua darjah kami, Halim, seorang yang rajin dan selalu menghantar tugas sekolah yang diberi guru pada masanya. Namun, kini dia telah berubah. Dia menjadi seorang yang malas dan banyak ketikanya dia kelihatan tertekan. Tugas yang dihantar biasanya tidak lengkap dan mutunya jauh daripada apa yang diharapkan. Prestasinya dalam ujian kelas juga merosot. Perubahan yang berlaku kepada dirinya menyebabkan ramai guru tertanya-tanya apa yang berlaku. Mereka bimbang kerana peperiksaan pertengahan tahun akan menjelang tidak lama lagi.

“Di mana dia, Tuan Inspektor?”

“Bertenang, puan. Siapakah yang puan maksudkan?”

“Halim! Di mana dia?”

“Halim Bin Addurrahman? Adakah puan Cikgu Aisyah?”

“Ya. Bagaimana Tuan Inspektor tahu nama saya?”

“Kami tahu melalui apa yang kami jumpa dalam kocek seluarnya.

[OBJECT] Kami ingin penyataan daripada Cikgu Aisyah. Sebelum itu, siapa pula yang bersama dengan cikgu ni? [PERSON]”

“Tolonglah beritahu saya! Di mana dia sekarang?”

“Bertenang, Cikgu Aisyah. Sewaktu kami menemuinya, dia tidak sedarkan diri tetapi masih bernyawa. Dia sedang dibawa sebuah ambulans ke hospital. Kami sedang mendapatkan maklumat daripada para saksi yang menyaksikan apa yang berlaku di jeti ini. Adakah Cikgu Aisyah tahu mengapa dia terjun ke dalam laut? [INCIDENT]”

“Apa nama hospitalnya?”

“Hospital Changi.”

“Mari kita ke Hospital Changi sekarang!”

“Tunggu dulu, cikgu!”

Cikgu Aisyah langsung bergegas menuju ke keretanya, tidak menghiraukan panggilan pegawai polis itu. Sekumpulan orang yang bersamanya turut mengekorinya.

The Main

Selama empat tahun mengajar d Sekolah Menengah Springdale,